

SOALAN NO. : 235

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

NO. RUJUKAN : DR046

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilangan kawasan yang dikenalpasti melakukan pembakaran sampah haram secara terbuka di kawasan Parlimen Puchong dan langkah-langkah yang telah dan bakal diambil bagi menghentikan kejadian ini khususnya di kawasan Bukit Serdang bersebelahan lebuhraya MEX dan juga di kawasan berhampiran Kampung Sri Aman/ Taman Putra Prima Puchong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tahun 2016 terdapat empat (4) kawasan yang dikenal pasti menjadi lokasi pembakaran sampah haram di kawasan Parlimen Puchong dan diadu kepada Jabatan Alam Sekitar seperti berikut:

- i. Tapak sampah haram di Jalan TPP5/1, Taman Perindustrian Puchong;
- ii. Sebelah Badminton Court, Kg Seri Aman Puchong;
- iii. Taman Putera Prima Puchong; dan
- iv. Tapak sampah tepi MEX Highway, Seri Kembangan

Semua lokasi pembakaran sampah haram tersebut berlaku di atas tanah milik kerajaan maka Jabatan Alam Sekitar telah memanjangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Pejabat Daerah/Tanah Petaling untuk tindakan lanjut di bawah bidang kuasa agensi berkenaan. Kebakaran yang berlaku telah diambil tindakan pemadaman oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat sementara Majlis Perbandaran Subang Jaya membuat halangan masuk ke tapak berkenaan. Di samping itu, Jabatan Alam Sekitar menjalankan pemantauan secara berterusan supaya pembakaran secara terbuka dapat dielakkan.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN TONY PUA KIAM
WEE [PETALING JAYA UTARA]**

SOALAN :

YB Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional persempadanan semula di mana jumlah pengundi kawasan Petaling Jaya Utara (PJU)/ Damansara ditambah sebanyak 76% sehingga 150,439 pengundi, manakala kawasan sebelah Subang/ Sungai Buloh dan Selayang dikurangkan sebanyak 74% dan 12.9% kepada 73,448 dan 93,830.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri dilaksanakan berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- (a) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- (b) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- (c) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan

SULIT

- (d) Memelihara hubungan tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sekiranya ada mana-mana pihak ingin membuat apa-apa representasi atau bantahan mengenai syor, bolehlah berbuat demikian semasa tempoh pameran namun ia perlu dikemukakan secara rasmi mengikut saluran dan tatacara yang ditetapkan oleh Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. SPR akan mendengar penjelasan mengenai bantahan tersebut melalui Siasatan Tempatan yang akan diadakan sekiranya pembantah adalah daripada 3 kategori yang ditetapkan oleh Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan iaitu:

- (a) Kerajaan Negeri;
- (b) Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- (c) Sekumpulan orang seramai satu ratus orang atau lebih yang nama mereka ditunjukkan dalam daftar pemilih yang dinyatakan dalam Notis bagi bahagian-bahagian pilihan raya yang berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN TONY PUA KIAM
WEE [PETALING JAYA UTARA]**

SOALAN :

YB Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai pengundi yang layak tetapi belum mendaftar sebagai pengundi mengikut negeri. Apakah sasaran pendaftaran pengundi baru setiap bulan untuk 2017 dan 2018 dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk mencapai sasaran tersebut.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah warganegara yang berumur 21 tahun dan ke atas yang layak mendaftar tetapi masih belum mendaftar sebagai pemilih sehingga Daftar Pemilih Suku Tahun Kedua Tahun 2016 (ST 2/2016) adalah sebanyak 4,373,708 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pendaftaran sebagai pemilih adalah hak warganegara di bawah Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh SPR untuk menarik lebih ramai warganegara untuk mendaftar sebagai pemilih. Ini termasuklah menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran di pusat membeli-belah, pusat rekreasi, kawasan penempatan penduduk, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pusat-pusat latihan yang berkaitan. Usaha ini termasuklah melakukan aktiviti pendaftaran pemilih di kawasan luar bandar dan pedalaman. SPR juga sentiasa terbuka untuk menerima jemputan untuk menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran sekiranya terdapat jemputan bagi penganjuran program-program berkaitan.

SULIT

Selain itu, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di Kaunter Pendaftaran Pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat-pejabat Pos serta kaunter-kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

SPR telah mengadakan pelbagai aktiviti kesedaran dengan lebih berkesan termasuk menggunakan pelbagai saluran media dan juga melalui program turun padang/*outreach*. SPR juga telah menjalankan pendekatan pendaftaran pemilih secara bergerak (*mobile*) dengan menggunakan kenderaan karavan. Dengan adanya kemudahan tersebut, ia akan memberi peluang kepada SPR untuk menjalankan program turun padang/*outreach* dengan lebih agresif dan seterusnya memberi kemudahan kepada orang awam untuk mendaftar sebagai pemilih.

Sekian. Terima kasih.